



**PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)**  
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH**  
**SABAK BERNAM**

**TAHUN 2022 – 2026**

**UNIT INTEGRITI**  
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM**

# ISI KANDUNGAN

## **AMANAT PEGAWAI DAERAH SABAK BERNAM KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **PENGENALAN PDT SABAK BERNAM**

1.1 LATAR BELAKANG	5
1.2 CARTA ORGANISASI	6
1.3 VISI DAN MISI	7
1.4 NILAI-NILAI BERSAMA	8

---

### **ANALISIS**

2.1 ANALISIS PERSEKITARAN	10
2.2 ANALISIS DATA	13
2.3 ANALISIS RISIKO	16

---

### **KERANGKA OACP PDT SABAK BERNAM**

3.1 VISI OACP	17
3.2 MISI OACP	17
3.3 BIDANG KEUTAMAAN OACP	17
3.4 STRATEGI OACP	17
3.5 OBJEKTIF STRATEGIK OACP	17
3.6 INISIATIF DAN PELAN TINDAKAN OACP	18

---

### **PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

4.1 MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN	27
4.2 FORMAT PELAPORAN OACP	28

---

### **ENUTUP**

29

## **AMANAT PEGAWAI DAERAH SABAK BERNAM**

*Assalamualaikum dan Selamat sejahtera,*

*Pertama sekali marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin Nya, Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) Tahun 2022 -2026 berjaya dibangunkan. Pelan ini telah dirangka dengan kerjasama Unit Integriti Pejabat SUK Selangor dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai panduan kepada warga kerja PDTSB agar setiap aktiviti dan program penyampaian fungsi PDTSB sentiasa bebas daripada amalan rasuah dan salah guna kuasa. Walaubagaimanapun kejayaan dalam membanteras salah laku ini tidak akan terlaksana tanpa komitmen dan kesungguhan semua warga kerja dalam memastikan setiap inisiatif dan pelaksanaan aspek tadbir urus perkhidmatan dijalankan dengan telus amanah dan berintegriti.*

*Sekian, Terima kasih.*

**TUAN AMRI BIN ISMAIL, S.M.S**  
**Pegawai Daerah Sabak Bernam**

## KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

*Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) dihasilkan dengan komitmen bersama dari tiga (3) Bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Tanah, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pembangunan untuk memperkuuhkan tadbir urus, integriti dan anti rasuah di kalangan warga kerja melalui pelaksanaan tindakan preventif dan proaktif seperti yang digariskan di bawah pelan tersebut.*

*Matlamat pelan ini juga adalah selaras dengan objektif Pelan Anti Rasuah Nasional iaitu meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan sekaligus mengurangkan amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa selain meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang bebas rasuah dan berintegriti.*

*Justeru, dengan adanya OACP PDTSB ini, seluruh warga kerja diseru untuk bersama-sama memastikan pengurusan PDTSB bebas dari amalan rasuah. Dalam masa yang sama, aspek tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan dapat ditambah baik bagi melahirkan warga kerja PDTSB yang berintegriti.*

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

*Pembangunan OACP PDTSB adalah salah satu inisiatif sebagaimana yang tertakluk dalam Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No.1 Tahun 2019 Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional dan bagi mencapai aspirasi nasional ‘Malaysia menjadi sebuah negara bebas rasuah dan berintegriti’.*

*OACP PDTSB dirangka dengan Visi ‘Membentuk warga PDTSB yang berintegriti dan bebas rasuah’ dan Misi ‘Memperkuatkan governans integriti dan anti rasuah warga PDTSB melalui pematuhan terhadap akta, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa’ berdasarkan tiga (3) bidang keutamaan iaitu Pengurusan Tanah, Pembangunan Masyarakat dan Fizikal, dan Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan.*

*Bagi tujuan tersebut sebanyak tiga (3) Strategi dan tiga (3) Objektif Strategik yang telah digariskan dan 20 Pelan Tindakan perlu dilaksanakan dalam mencapai matlamat OACP PDTSB.*

# **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 LATAR BELAKANG PDT SABAK BERNAM***
- 1.2 CARTA ORGANISASI***
- 1.3 VISI DAN MISI***
- 1.4 NILAI-NILAI BERSAMA***


## **1.1 LATAR BELAKANG PDT SABAK BERNAM**

*Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) diketuai oleh seorang Pegawai Daerah dengan dibantu oleh tiga (3) orang Ketua Penolong Pegawai Daerah (KPPD) iaitu KPPD Bahagian Pengurusan Tanah, KPPD Bahagian Khidmat Pengurusan dan KPPD Bahagian Pembangunan.*

*Terdapat dua (2) unit dibawah Pejabat Pegawai Daerah, lima (5) unit dibawah Bahagian Pengurusan Tanah, empat (4) unit dibawah Bahagian Khidmat Pengurusan dan dua (2) unit dibawah Bahagian Pembangunan.*

*Semua tiga belas (13) unit ini yang akan memainkan peranan dalam mengendalikan hal ehwal berkaitan urusan pentadbiran Daerah Sabak Bernam. PDTSB juga memainkan peranan penting bagi memastikan perancangan dan dasar Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan efektif.*

# 1.2 CARTA ORGANISASI



# **1.3 VISI DAN MISI**

**VISI**

*SABAK BERNAM PENERAJU EKONOMI  
ASAS TANI NEGERI SELANGOR  
MENJELANG TAHUN 2023*

**MISI**

*MELESTARIKAN PEMBANGUNAN DAN  
MEMPERKASAKAN TADBIR URUS KE ARAH  
KEMAKMURAN DAERAH DEMI  
KESEJAHTERAAN RAKYAT*

# **1.4 NILAI-NILAI BERSAMA**

**P : PROAKTIF :** MENGAMALKAN SIKAP POSITIF DALAM MERANCANG, MENGAWAL TINDAKAN, MEMBUAT KEPUTUSAN DAN MELAKSANAKAN SESUATU KERJA JAUH LEBIH AWAL DARIPADA JANGKAAN SEBENAR SUPAYA KEPUTUSAN DIHASILKAN BAIK DAN BERKUALITI.

**D : DINAMIK :** OPTIMIS DALAM MELAKSANAKAN TUGASAN DAN MENYESUAIKAN DIRI DALAM PELBAGAI KEADAAN, TEMPAT DAN MASA SEHINGGA DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA DEMI MENCAPAI MATLAMAT YANG TELAH DITETAPKAN.

**T : TERAMPIL :** PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP, BAIK DAN BERKUALITI DAPAT MEMBANGUNKAN PRESTASI ORGANISASI DAN MENCERMINKAN GAYA KEPIMPINAN YANG TERAMPIL UNTUK KESEJAHTERAAN KEPADA RAKYAT.

**S : SEMANGAT BERPASUKAN :** MENGGEMBLENG TENAGA, PENGETAHUAN, KEPAKARAN DAN PENGALAMAN MELALUI SEMANGAT KERJA BERPASUKAN YANG PADU KE ARAH MENCAPAI VISI DAN MISI ORGANISASI.

**B : BERINTEGRITI :** BERKHIDMAT DENGAN PENUH AMANAH, JUJUR, TULUS, RASA BERTANGGUNGJAWAB DALAM MELAKSANAKAN KERJA DAN TUGASAN BAGI MENGELOAKKAN SEBARANG BENTUK PENYELEWENGAN

## **2.0 PENGENALAN**

**2.1 ANALISIS PERSEKITARAN**

**2.2 ANALISIS DATA**

**2.3 ANALISIS RISIKO**


## 2.2 ANALISIS PERSEKITARAN

*Corruption Performance Index* (CPI) bagi tahun 2020 yang dilaksanakan oleh *The Malaysian Society for Transparency and Integrity* (TI Malaysia) menunjukkan skor Malaysia telah menyusut dua mata dari skor 53 pada tahun 2019 kepada 51 pada tahun 2020. Kedudukan Malaysia juga menurun dari 51 pada tahun 2019 kepada kedudukan 57 berbanding 180 negara pada tahun 2020. Sekiranya isu persepsi ini tidak ditangani dengan segera, ia akan memberi kesan terhadap keseluruhan perkhidmatan awam dan juga Kerajaan Malaysia.




## 2.2 ANALISIS PERSEKITARAN

Merujuk kepada Public Service Corruption Report (PSCR) Tahun 2020 yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Negeri Selangor telah menunjukkan skor tertinggi berbanding negeri lain di Malaysia dengan skor 8.89.



## 2.2 ANALISIS PERSEKITARAN

Menurut PSCR, jenis-jenis kesalahan yang didapati berlaku di Negeri Selangor pada tahun 2020 adalah seperti berikut:



## **2.1 ANALISIS DATA**

*Dalam fasa pembangunan OACP PDTSB, pelbagai data telah diperolehi sepanjang proses penilaian risiko bagi menentukan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh PDTSB. Data-data tersebut terbahagi kepada data dalaman dan data luaran. Data dalaman jabatan merangkumi aduan awam, aduan integriti, kes-kes tatatertib, laporan Bahagian Audit Dalam dan soal selidik melibatkan warga PDTSB. Manakala data luaran terdiri daripada data yang diperolehi daripada agensi luar seperti Kajian Public Service Corruption Ranking (PSCR) daripada SPRM dan Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).*

*Pelan Corruption Risk Management (CRM) PDTSB turut dirangka melibatkan semua bahagian di bawah PDTSB bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan rasuah di PDTSB yang boleh menjelaskan operasi dan imej jabatan. Selanjutnya, hasil perbincangan bersama SPRM dan input daripada setiap bahagian yang dikemukakan semasa Bengkel Pembangunan OACP, risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan anti rasuah di PDTSB telah dikenalpasti.*

# **ADUAN AWAM PDT SABAK BERNAM**

*Aduan awam berikut merupakan aduan yang telah disenarai pendek daripada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang dikemukakan oleh Bahagian Korporat PSUK. Berdasarkan statistik penerimaan aduan awam, kebanyakan aduan awam adalah berkaitan dengan isu penyampaian perkhidmatan.*

Bil	Jenis Aduan	Jumlah Aduan
1	Aduan berkenaan kerosakan infrastruktur	4
2	Aduan berkenaan penghuni kuarters	12
3	Aduan berkenaan Cukai Tanah	5

Bil	Jenis Aduan	Jumlah Aduan
1	Aduan berkenaan kerosakan infrastruktur	5
2	Aduan berkenaan penghuni kuarters	11
3	Aduan berkenaan Cukai Tanah	1

Bil	Jenis Aduan	Jumlah Aduan
1	Aduan berkenaan kerosakan infrastruktur	3
2	Aduan berkenaan penghuni kuarters	3
3	Aduan berkenaan Cukai Tanah	2

# **TINDAKAN TATATERTIB WARGA PDTSB**

*Pola statistik tata tertib dalam tempoh tahun 2019 sehingga tahun 2021 bagi Kumpulan Pengurusan dan Kumpulan Sokongan.*

Bil	Kumpulan	Bilangan Kes
1	Kumpulan Pengurusan	0
2	Kumpulan Sokongan	3

Bil	Kesalahan	Jumlah
1	Kesalahan Kad Perakam Waktu	1
2	Kesalahan Penyalahgunaan Dadah	1
3	Cuai dalam menjalankan tugas	1

## **2.3 ANALISIS RISIKO**

*Input yang diperolehi daripada Analisis Persekitaran digunakan sebagai asas untuk melaksanakan Analisis Risiko. Sesi perbincangan akan dilaksanakan bersama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor dan Jawatankuasa OACP PDTSB bagi mengenal pasti bidang keutamaan, menilai risiko yang wujud dan mengurus risiko berkenaan sama ada melalui kawalan sedia ada atau mewujudkan inisiatif baru bagi mengatasi risiko berkenaan.*

# ***SOAL SELIDIK BERKAITAN ISU RASUAH, GOVERNANS DAN INTEGRITI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM***

*Soal selidik dilakukan untuk menganalisa data yang diperolehi daripada responden kaji selidik yang terdiri daripada 63 orang warga Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam. Kaji selidik ini bertujuan untuk mengukur persepsi dan pandangan warga PDTSB daripada pelbagai gred berhubung isu rasuah, governans dan integriti di Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam.*

## ***HASIL KAJIAN SOAL SELIDIK RESPONDEN PDTSB BERKAITAN ISU RASUAH, GOVERNANS DAN INTEGRITI***

1. *Adakah jawatan anda sekarang terlibat secara langsung dengan orang awam / pemegang taruh (stakeholders) yang lain?*

*Seramai 42 responden (67%) menyatakan terlibat secara langsung dengan orang awam / pemegang taruh (stakeholders).*

2. *Adakah jawatan dan fungsi anda sekarang terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya kesalahan rasuah?*

*Seramai 20 responden (31%) menyatakan jawatan dan fungsi mereka sekarang terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya kesalahan rasuah.*

3. *Pernahkah anda ditawarkan / menerima rasuah oleh seseorang individu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan tugas rasmi?*

*Seramai 1 responden (2%) menyatakan pernah ditawarkan rasuah oleh seseorang individu untuk melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan tugas rasmi mereka.*

### **3.0 KERANGKA OACP PDT SABAK BERNAM**

#### **VISI**

Membentuk warga Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam yang berintegriti dan bebas rasuah

#### **MISI**

Memperkuatkan governans, integriti dan anti rasuah warga Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam melalui pematuhan terhadap akta, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa

#### **BIDANG KEUTAMAAN (BK)**

**BK1: PENGURUSAN TANAH**

**BK2: PEMBANGUNAN  
MASYARAKAT DAN FIZIKAL**

**BK3: PENGURUSAN  
PENTADBIRAN DAN  
KEWANGAN**

#### **STRATEGI (S)**

**S1:** Memantapkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan tanah

**S2:** Memantapkan ketelusan dan kompetensi dalam melaksanakan program-program pembangunan masyarakat dan fizikal

**S3:** Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan

#### **OBJEKTIF STRATEGIK (OS)**

**OS1:** Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan tanah

**OS2:** Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan dan pekeliling berkenaan perolehan bekalan dan projek

**OS3:** Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan pentadbiran dan kewangan

## **3.6 INISIATIF DAN PELAN TINDAKAN OACP**

### **BIDANG KEUTAMAAN 1:** **PENGURUSAN TANAH**

BIDANG KEUTAMAAN 1: PENGURUSAN TANAH			
STRATEGI	S1	Memantapkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan tanah	
OBJEKTIF STRATEGIK	OS1	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan tanah	
BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT1	Melaksanakan Laporan Pergerakan (Terimaan, Proses dan Selesai) Fail Permohonan Tanah secara bulanan	Bahagian Pengurusan Tanah	Sepanjang tahun
PT2	Melaksanakan <i>check and balance</i> melalui pengesahan penyelia ke atas Senarai Semak bagi setiap permohonan tanah	Bahagian Pengurusan Tanah	Sepanjang tahun
PT3	Melaksanakan pemeriksaan mengejut ke atas kerja-kerja penguatkuasaan di lapangan berdasarkan laporan bahan batuan yang dikeluarkan	Bahagian Pengurusan Tanah	Sepanjang tahun

BIDANG KEUTAMAAN 1: PENGURUSAN TANAH			
STRATEGI	S1	Memantapkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan tanah	
OBJEKTIF STRATEGIK	OS1	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan tanah	
BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT4	Pengenalan kepada pemakaian alatan rakaman visual ( <i>body camera</i> )	Bahagian Pengurusan Tanah	Sepanjang tahun
PT5	Melaksanakan pusingan kerja bagi unit-unit kritikal di Bahagian Pengurusan Tanah setiap 3 – 5 tahun	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
PT6	Mengadakan program kesedaran melibatkan SPRM/kursus integriti secara berkala	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun

**BIDANG KEUTAMAAN 2:**

**PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN FIZIKAL**

## BIDANG KEUTAMAAN 2: PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN FIZIKAL

<b>STRATEGI</b>	S2	Memantapkan ketelusan dan kompetensi dalam melaksanakan program-program pembangunan masyarakat dan fizikal	
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	OS2	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan dan pekeliling berkenaan perolehan bekalan dan projek	
BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT1	Menyelaras Senarai Semak bagi semua tuntutan	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun
PT2	Memberi peringatan berhubung Piagam Pelanggan yang perlu dipatuhi	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun
PT3	Melaksanakan pemantauan mengejut	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun
PT4	Menyelaras Senarai Semak bagi pemilihan kontraktor	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun

## BIDANG KEUTAMAAN 2: PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN FIZIKAL

<b>STRATEGI</b>	S2	Memantapkan ketelusan dan kompetensi dalam melaksanakan program-program pembangunan masyarakat dan fizikal	
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	OS2	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan dan pekeliling berkenaan perolehan bekalan dan projek	
BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT5	Memberi peringatan secara pentadbiran kepada kontraktor mengenai jadual kerja, pembekalan dan jadual pembayaran	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun
PT6	Mengadakan program kesedaran melibatkan SPRM/kursus integriti secara berkala	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
PT7	Mengadakan kursus kewangan secara berkala	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun

# ***BIDANG KEUTAMAAN 3: PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN***

### **BIDANG KEUTAMAAN 3: PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**

<b>STRATEGI</b>	S3	Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan		
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	OS3	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan pentadbiran dan kewangan		
<b>BIL.</b>	<b>PELAN TINDAKAN (PT)</b>		<b>PELAKSANA</b>	<b>TEMPOH MASA</b>
<b>PT1</b>	Melaksanakan tindakan punitif yang lebih tegas kepada pegawai yang melakukan kesalahan		Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
<b>PT2</b>	Melaksanakan pusingan kerja		Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
<b>PT3</b>	Mengadakan program kesedaran melibatkan SPRM/kursus integriti secara berkala		Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
<b>PT4</b>	Mengadakan kursus kewangan secara berkala		Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun

### BIDANG KEUTAMAAN 3: PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

<b>STRATEGI</b>	S3	Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan	
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	OS3	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan pentadbiran dan kewangan	
BIL.	<b>PELAN TINDAKAN (PT)</b>		<b>PELAKSANA</b>
<b>PT5</b>	Pemeriksaan mengejut terhadap pematuhan syarat Lesen Eksais	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
<b>PT6</b>	Melaksanakan <i>check and balance</i> melalui pengesahan penyelia ke atas Senarai Semak bagi tuntutan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
<b>PT7</b>	Memantapkan pengkhususan tugas-tugas pegawai integriti bagi mengelakkan <i>conflict of interest</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun

## **4.0 PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

### **4.1 MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN**

*Unit Integriti Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) dengan kerjasama dari Jawatankuasa OACP PDTSB yang telah dilantik dari setiap bahagian di bawah PDTSB akan bertindak sebagai penyelaras bagi pembangunan, pelaksanaan, pemantauan Pelan Tindakan, dan pelaporan pencapaian OACP PDTSB secara berkala. Dalam hal ini, Jawatankuasa OACP PDTSB akan mengemukakan pelaporan pelaksanaan OACP PDTSB kepada Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut suku tahun (Januari, April, Julai, Oktober).*

*Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) akan berfungsi sebagai mekanisme tertinggi yang menerima laporan, membincangkan, membuat keputusan dan memantau pelaksanaan OACP PDTSB seperti yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 – Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti Dan Anti Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional.*

## **4.2 FORMAT PELAPORAN OACP PDT SABAK BERNAM**

<b>BAHAGIAN</b>	
<b>BIDANG KEUTAMAAN</b>	
<b>STRATEGI</b>	
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	
<b>TARIKH LAPORAN</b>	

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	TINDAKAN YANG DIAMBIL	TARIKH PELAKSANAAN / TEMPOH MASA	CATATAN

## **5.0 PENUTUP**

*Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) merupakan komitmen PDTSB dalam memantapkan pengukuhan governans serta membentuk organisasi yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi. Justeru, sebanyak 20 Pelan Tindakan melalui tiga (3) strategi telah digariskan di dalam OACP PDTSB.*

*Pelan ini juga akan sentiasa dipantau dan dikaji keberkesanannya dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan risiko yang dihadapi oleh pihak pengurusan PDTSB.*

*Oleh itu kerjasama dan komitmen secara berterusan dari semua warga PDTSB amat diperlukan bagi memastikan OACP PDTSB mencapai matlamatnya.*